

29/05/2000

PM tegur negeri gagal urus wang (HL)

Ebi Azly Abdullah

PUTRAJAYA, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur sesetengah kerajaan negeri kerana masih gagal melaksanakan pengurusan kewangan dengan teliti sehingga menyebabkan kehilangan hasil berjuta-juta ringgit.

Tanpa menamakan negeri berkenaan, Perdana Menteri berkata, walaupun diberi peringatan berulang kali, kerajaan negeri terbabit masih gagal menguruskan penyata kira-kira dengan baik.

"Kerajaan Pusat sentiasa mengambil kira laporan Ketua Audit Negara (mengenai pengurusan kewangan negeri). Kita sudah menulis kepada negeri berkenaan, tetapi ia masih berlaku.

"Apa yang kita lakukan ialah melatih pegawai negeri serta mewujudkan semula jawatan kerani kewangan. Kerajaan sedang mencuba memperbaiki keadaan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perkahwinan anak kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap kehilangan wang berjuta-juta ringgit dalam akaun beberapa jabatan dan agensi kerajaan negeri.

Semalam, Timbalan Ketua Pengarah BPR, Datuk Ahmad Said, berkata agensi berkenaan sedang menyiasat kes itu berdasarkan laporan Ketua Audit Negara 1998. Kes itu dipercayai membabitkan sekurang-kurangnya lima jabatan serta tiga agensi kerajaan negeri yang dikesan gagal menyediakan penyata kewangan sempurna.

Dr Mahathir berkata, kerajaan terpaksa bertindak dengan berhati-hati kerana tidak mahu membuat kesimpulan melulu mengenai kemungkinan berlaku amalan rasuah dalam pentadbiran kerajaan negeri.

Ditanya sama ada perkara berkenaan dibincangkan dalam mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri, beliau berkata: "Sudah tentu. Apa yang penting ialah untuk melatih semula pegawai kerajaan terbabit kerana mereka tidak memiliki kepakaran dalam pengurusan rekod kewangan."

Mengulas dakwaan beberapa akhbar bahawa pemilihan barisan Naib Presiden MIC yang direstui Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu melanggar prinsip demokrasi, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak tahu ... itu mereka yang pilih. Tetapi ahli parti masih boleh menolak jika mereka mahu."

Pada Perhimpunan Agung parti itu semalam, Datuk S Veerasingham, Datuk G Palanivel dan Tan Sri KS Nijhar dipilih sebagai Naib Presiden MIC. Ketiganya dinamakan sebagai calon pilihan Samy Vellu.

Terdahulu, Dr Mahathir dan isteri, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, merenjis air mawar ke atas pasangan Mohd Fariz Zainuddin, 27 dan Eni Azelin Azlinda Amran, 20, sebelum makan bersama pengantin.

Eni Azelin, seorang kerani di Pertubuhan Kebajikan Sosial, adalah anak seorang kakitangan di Unit Protokol Jabatan Perdana Menteri, Amran Mohamed, sementara Mohd Fariz, 27, bekerja dengan Pos Malaysia.

Majlis perkahwinan pasangan itu adalah yang pertama diadakan di Putrajaya, pusat pentadbiran Persekutuan yang baru dihuni tahun lalu.

(END)